

22 SEP 1997

Mahathir-jerebu

BOMBA DAN 'SMART' AKAN BANTU PADAMKAN KEBAKARAN DI INDONESIA

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Pasukan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) serta pasukan bomba dan penyelamat akan dihantar ke Indonesia untuk menolong memadamkan kebakaran hutan dalam usaha mengatasi masalah jerebu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pelbagai peralatan termasuk untuk menggali telaga akan dibawa kerana sesetengah tempat di Kalimantan sudah kekeringan termasuk sungai bagi digunakan untuk memadamkan kebakaran.

Langkah itu diambil selain bantuan yang diberikan kepada Indonesia untuk mengadakan pembenihan awan, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Alam di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang juga Pengarah Gerakan Negara berkata mesyuarat itu meneliti secara keseluruhan masalah jerubu yang melanda negara sehingga darurat jerebu terpaksa diisytiharkan di Sarawak.

Katanya, darurat jerebu yang bermula Jumaat lepas di negeri itu masih berkuatkuasa kerana paras pencemaran udaranya yang masih tinggi. Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sarawak yang berada pada tahap berbahaya bertambah buruk pada pukul 9 pagi ini apabila ia meningkat kepada 569 berbanding 473 pada 1 pagi ini.

"Kita bersetuju dengan pihak Indonesia supaya lapangan terbang Kuching digunakan sebagai pangkalan untuk operasi pembenihan awan," katanya pada persidangan berita itu yang turut dihadiri Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat selaku pengerusi jawatankuasa berkenaan.

Perdana Menteri berkata lapan pesawat yang kini digunakan untuk pembenihan awan di seluruh negara akan ditambah.

"Kita juga akan menggunakan pesawat yang sama untuk menolong Indonesia mengadakan pembenihan awan," katanya.

Para penyelidik dari Perancis yang dihantar ke Malaysia untuk meneliti masalah jerebu telah kembali ke Perancis semalam bagi menyusun bentuk bantuan yang akan diberikan negara itu.

Katanya, bantuan juga telah diminta daripada Jepun yang menawarkan 'jet-shooters' untuk memadamkan kebakaran.

"Kita percaya masalah ini tidak mudah untuk kita atasi tetapi kita akan cuba seberapa yang boleh," katanya sambil menunjukkan gambar yang diambil menerusi satelit mengenai keadaan berkenaan.

Beliau turut menyenaraikan beberapa tindakan berbentuk pasif dan aktif yang boleh dilakukan orang ramai dalam membantu mengatasi masalah itu.

Dr Mahathir berkata selain menggunakan topeng, orang ramai diminta mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian supaya asap kereta dan motosikal terutama yang berenjin dua lejang tidak menambah kepada pencemaran udara.

Orang ramai digalakkan berkongsi kereta atau menggunakan pengangkutan awam serta tidak menggunakan kereta sekiranya tidak ada urusan penting.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga bersetuju supaya tadika ditutup sekiranya paras pencemaran udara mencapai paras 300.

Selain penutupan sekolah sekiranya paras IPU mencapai 400, katanya kegiatan luar juga hendaklah dikurangkan bagi mencegah orang ramai daripada terdedah kepada jerebu.

"Segala 'Hari' itu... 'Hari' ini... akan ditangguh dan kita berharap setiap orang berjaga-jaga supaya tidak menyedut udara yang tidak bersih," katanya.

Beliau mengulangi gesaan kepada kilang-kilang supaya memberhentikan aktiviti pembakaran bagi membantu mengatasi masalah jerebu.

Katanya, syarikat-syarikat Malaysia yang dikatakan terbabit dengan kebakaran hutan di Kalimantan perlu memikul tanggungjawab dengan membantu mengatasi masalah itu.

Katanya, kerajaan akan memastikan syarikat-syarikat itu akan menyumbang kepada usaha itu. Jika tidak, tindakan yang boleh diambil terhadap mereka akan dilakukan.

Ketika ditanya sama ada undang-undang lebih ketat perlu diadakan mengenai pencemaran udara berdasarkan pengalaman daripada masalah jerebu, Dr Mahathir berkata: "Itu kita sedang kaji."

Antara perkara yang akan dikaji ialah kadar denda memandangkan had yang dikenakan pada masa ini tidak berkesan untuk menghalang kesalahan.

"Kadang-kadang kadar denda yang kita kenakan itu ditetapkan 30 atau 50 tahun lepas ketika taraf hidup dan pendapatan penduduk adalah rendah...Sekarang ini bagi dia (yang melakukan kesalahan) RM10,000, RM20,000 dia bayar macam itu sahaja, tak ada apa-apa," katanya.

Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara Datuk Jaafar Ismail meminta syarikat-syarikat Malaysia yang terbabit dalam pembersihan kawasan dan pembakaran di Kalimantan dan Sumatera supaya menghubungi bahagian itu melalui talian telefon 03-2936862 atau 03-2389929.

"Saya harap menerima panggilan mereka hari ini, jika mereka tidak menghubungi kami, maka kami akan mengambil tindakan," katanya.

-- BERNAMA

AZZ MS